

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7 March 2016

UMNO Bukit Katil tolak

gerakan Tun M

UM - 7/3/2016

MELAKA 6 Mac - UMNO Bahagian Bukit Katil membantah dan menolak gerakan Tun Dr. Mahathir Mohamad serta para penyokongnya termasuk parti pembangkang yang ingin menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ketuanya, Tan Sri Mohd. Ali Rustam berkata, tindakan Dr. Mahathir dan penyokongnya dalam gerakan itu bertentangan dengan Perlembagaan negara yang berteraskan demokrasi berparlimen yang mana Perdana Menteri dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.

"Datuk Seri Najib selaku Perdana Menteri tidak menyalahgunakan kuasa dan melanggar undang-undang negara serta parti sepertimana yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan peguam negara.

"Ahli-ahli parti dan rakyat diharapkan tidak terpengaruh dengan gerakan Dr. Mahathir dan DAP. Ini kerana DAP dari dahulu anti kepada Perlembagaan Persekutuan, DAP yang anti Islam dalam banyak perkara, anti kedudukan Raja-raja Melayu, anti hak istimewa orang Melayu dan bumiputera," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kata Mohd. Ali, gerakan Dr. Mahathir dan penyokongnya itu lebih kepada memenuhi keperluan DAP dan perlu ditolak agar sistem demokrasi terus dipertahankan kerajaan.

Katanya, Perdana Menteri dipilih oleh rakyat menerusi peti undi bukan dengan cara penggulingan atau demonstrasi jalanan.